



IKLAN LUARAN

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan bertaraf Tetap dan Kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan keutamaan kepada Anak Negeri Selangor.

**AHLI MUZIK (PENYELARAS MUZIK) (KONTRAK) – GRED B31**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- b) Klasifikasi Perkhidmatan: Bakat dan Seni (B)
- c) Taraf Jawatan : Kontrak
- d) Kekosongan Jawatan : 1

**JADUAL GAJI**

<b>GRED GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	
<b>B31</b>	<b>RM 2,851.00</b>	<b>RM 6,263.00</b>	
<b>KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>	<b>RM 155.00</b>		
<b>ELAUN</b>	<b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>	<b>RM 160.00</b>	
	<b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>	<b>RM 300.00</b>	
	<b>BANTUAN SARA HIDUP</b>	<b>RM 300.00</b>	

**SYARAT LANTIKAN**

- (a) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan; atau
- (b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (c) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

- (d) Diploma dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (e) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
- (f) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.  
(Gaji permulaan lantikan pada Gred B31: RM2,851.00)
- (g) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (b), (c) dan (d) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas:**

Bertanggungjawab untuk menggubah lagu, menyemak skor-skor muzik, memimpin dan menjaga tatatertib anggota kombo. Bermain alat-alat muzik dan membantu pemimpin orchestra dalam pentadbiran.



IKLAN LUARAN

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
**JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan bertaraf Tetap dan Kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan keutamaan kepada Anak Negeri Selangor.

**JURUTEKNIK KOMPUTER (KONTRAK) – GRED FT19**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- b) Klasifikasi Perkhidmatan: Sistem Maklumat (F)
- c) Taraf Jawatan : Kontrak
- d) Kekosongan Jawatan : 2

**JADUAL GAJI**

<b>GRED GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	
<b>FT19</b>	<b>RM 1,377.00</b>	<b>RM 4,052.00</b>	
<b>KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>	<b>RM 100.00</b>		
<b>ELAUN</b>	<b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>	<b>RM 115.00</b>	
	<b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>	<b>RM 300.00</b>	
	<b>BANTUAN SARA HIDUP</b>	<b>RM 300.00</b>	

**SYARAT LANTIKAN**

- (a) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,377.00); atau**
- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,435.12); atau**
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,493.24).**

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas:**

- 1) Melaksanakan dan membantu PPTM Kamera Litar Tertutup (CCTV) dalam membuat laporan kerosakan bagi aduan Kamera Litar Tertutup (CCTV) dalaman dan luaran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- 2) Melaksanakan dan membantu PPTM Kamera Litar Tertutup (CCTV) dalam membuat laporan bagi aduan Kamera Litar Tertutup (CCTV) luaran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekitar kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- 3) Melaksanakan dan membantu PPTM Kamera Litar Tertutup (CCTV) dalam membuat laporan bagi aduan Kamera Litar Tertutup (CCTV) luaran SUK SELANGOR sekitar kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- 4) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan, lawatan tapak dan menyertai audit bagi Kamera Litar Tertutup (CCTV) untuk Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan dan SUK SELANGOR.
- 5) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan komputer Majlis secara berkala mengikut saranan MAMPU.
- 6) Menguji peralatan dan server Live Streaming sebelum mesyuarat penuh Majlis pada setiap bulan sepanjang tahun.
- 7) Melaksanakan kerja-kerja pemasangan dan memantau siaran Live Streaming semasa mesyuarat penuh Majlis berlangsung pada setiap bulan sepanjang tahun.
- 8) Bertugas menyediakan, memasang dan menguji peralatan untuk mesyuarat, program Majlis dan aktiviti Majlis.
- 9) Melaksanakan, bertugas, menyediakan, dan memasang peralatan Kaunter bergerak/Kaunter Lesen/Kaunter Ezpay MBPJ dilokasi yang telah dijadualkan serta menguji sistem aplikasi Majlis berfungsi sepenuhnya serta memantau dari semasa kesemasa sepanjang kaunter beroperasi.
- 10) Melaksanakan baikpulih komputer dan peralatan ict daripada aduan Helpdesk untuk sebarang kerosakan perkakasan dan perisian serta sistem aplikasi Majlis.
- 11) Melaksanakan dan membuat semakan serta baikpulih bagi aduan dibawah perkhidmatan rangkaian ICT Majlis.



IKLAN LUARAN

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
**JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA.**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan bertaraf Tetap dan Kontrak di Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan keutamaan kepada Anak Negeri Selangor.

**PEREKA GRAFIK (TETAP) – GRED B29**

- a) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- b) Klasifikasi Perkhidmatan: Bakat dan Seni (B)
- c) Taraf Jawatan : Tetap
- d) Kekosongan Jawatan : 1

**JADUAL GAJI**

<b>GRED GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	
<b>B29</b>	<b>RM 1,499.00</b>	<b>RM 5,679.00</b>	
<b>KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>	<b>RM 145.00</b>		
<b>ELAUN</b>	<b>IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM</b>	<b>RM 160.00</b>	
	<b>IMBUHAN TETAP PERUMAHAN</b>	<b>RM 300.00</b>	
	<b>BANTUAN SARA HIDUP</b>	<b>RM 300.00</b>	

**SYARAT LANTIKAN**

- (a) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM 1,499.00); atau**
- (b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM 1,499.00); atau**

(c) Diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

***(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM 1,777.78)***

(d) Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (b) dan (c) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **Deskripsi Tugas:**

- a) Menghasilkan reka bentuk bahan-bahan percetakan untuk Majlis dan Jabatan/Bahagian seperti risalah, pamflet, kad jemputan, buku, atur cara dan sebagainya.
- b) Menyediakan reka bentuk bahan-bahan percetakan untuk tujuan promosi bagi kempen-kempen dan acara-acara yang dijalankan oleh Majlis seperti flyers dan poster.
- c) Menyediakan reka bentuk laporan tahunan dan akhbar berita Petaling Jaya dan diari MBPJ.
- d) Menyediakan reka bentuk bahan-bahan pameran Majlis.
- e) Menyediakan reka bentuk billboard bagi tujuan promosi dan perayaan seperti Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor, Hari Kemerdekaan dan sebagainya.
- f) Menyediakan reka bentuk buku cenderamata dan juga bahan-bahan bagi tujuan program sambutan Bandaraya.